

**KENYATAAN MEDIA**  
**MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**  
**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR**



**STATUS JEREBU DALAM NEGARA**

**5 SEPTEMBER 2016 (ISNIN)**

Secara keseluruhannya, status kualiti udara dalam negara berada dalam keadaan baik. Sehingga jam 3 petang, sebanyak 43 kawasan mencatatkan bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) pada tahap 'baik' dan sebanyak 9 kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap 'sederhana'. **Tiada (0) kawasan yang mencatatkan bacaan IPU pada tahap 'tidak sihat'.**

**BILANGAN TITIK PANAS (HOTSPOT)**

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada 4 September 2016, sebanyak 1 titik panas (hotspot) dikesan di Sumatera, Indonesia, manakala sebanyak 19 titik panas (hotspot) dikesan di Kalimantan. Bilangan sebenar titik panas (hotspot) di Sumatera tidak dapat dipastikan berikutan cerapan satelit tidak menyeluruh dan terdapat litupan awan. Sementara itu, sebanyak 3 titik panas (hotspot) dikesan

dalam negara, masing-masingnya 1 di negeri Johor, Pahang dan Sarawak. Lokasi titik-titik panas (hotspots) dalam negara sedang disiasat untuk diambil tindakan penguatkuasaan sewajarnya.

Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh pihak *ASMC* pada 4 September 2016 adalah seperti di **Rajah 1**.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) masih memantau rapi status kualiti udara di seluruh negara berikutan kejadian jerebu masih tidak menentu. Titik-titik panas (hotspots) di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia yang masih aktif boleh menyebabkan pencemaran jerebu merentas sempadan berterusan ke Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan ke negeri Sarawak.

Untuk tidak memburukkan keadaan berjerebu, semua pihak terus diingatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

Berdasarkan siasatan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada tahun ini sehingga 4 September 2016, sebanyak 2,378 kes pembakaran terbuka telah dikesan di seluruh negara iaitu pembakaran terbuka melibatkan kawasan hutan (315 kes), kawasan pertanian (612 kes), kawasan industri (16 kes), tapak pembinaan (51 kes), tapak pelupusan sampah (73 kes), kawasan belukar (542 kes) dan lain-lain pembakaran terbuka kecil (769 kes).

Sebagai agensi penguatkuasa yang komited dan tegas dalam menjalankan tugas penguatkuasaan, JAS telah mengeluarkan kompaun untuk **216 kes pembakaran terbuka dengan jumlah kompaun yang dikutip sebanyak RM 248,066.00**. Kes pembakaran terbuka yang telah diberikan Notis Arahan adalah sebanyak 29 kes, 22 kes telah dikeluarkan Surat Arahan, manakala 15 kes sedang dilengkapi Kertas Siasatan untuk tindakan mahkamah bagi tempoh 1 Januari hingga 4 September 2016.

Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**.

Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <http://apims.doe.gov.my/v2/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyIPU di 'Google Play'.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR  
5 SEPTEMBER 2016**

**PETA JEREBU SERANTAU, 4 SEPTEMBER 2016**

**(Sumber : ASEAN Specialised Meteorological Centre, Singapura)**

**Regional Haze Update**

In the northern ASEAN region, isolated hotspots were detected in Vietnam. The low number of hotspot detected in Sumatra was due to a partial satellite pass and cloud cover. Isolated hotspots were also detected in West Kalimantan. Over the next few days, the prevailing winds in the region are expected to strengthen and blow from the south or southwest.

Updated 5:48 PM 4 Sep

